

BAB 2

PENTADBIRAN JEPUN DI MELAKA, 1942-1945.

Kejayaan tentera Jepun menakluki Tanah Melayu dan Singapura dalam masa tujuh puluh hari telah menggemparkan penduduk Tanah Melayu dan ramai melarikan diri ke kawasan pedalaman. Pendudukan Jepun di Melaka bermula pada 15 Februari 1942, setelah mereka menyerang negeri ini melalui jalan darat dari Negeri Sembilan menerusi tiga laluan iaitu Tampin, Batang Melaka dan Kuala Linggi¹ dengan pasukan tentera berjalan kaki dan kereta kebal. Kedatangan mereka disambut dengan pelbagai perasaan oleh penduduk Melaka yang berbilang kaum.

Peralihan kekuasaan daripada British kepada Jepun menimbulkan ketakutan di kalangan masyarakat apabila melihat kekejaman yang dilakukan oleh Jepun. Penduduk-penduduk Melaka juga sentiasa hidup di dalam keadaan ketakutan. Di samping itu, bagi pejuang-pejuang semangat kebangsaan Melayu di Melaka, apabila British telah jatuh mereka dapat membayangkan bahawa peluang untuk berjaya dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan telah hampir terbuka.²

¹ Temuramah dengan Tuan Haji Bahari bin Idrs pada 7 Ogos 2001, di Kampung Tedong, Merlimau, Melaka. (Lampiran I)

² Temuramah dengan Encik Maarof bin Md. Yassan pada 10 Ogos 2001, di Kampung Tedong, Merlimau, Melaka. (Lampiran I)

Sungguhpun demikian orang-orang Melayu tidak dapat membuat persiapan yang cukup untuk menghadapi perperangan. Sebahagian penduduk-penduduk bukan Melayu dan pegawai-pegawai British di Melaka telah melarikan diri ke selatan terutamanya ke Singapura³ di mana pertahanan British di anggap kuat dan sukar ditembusi oleh Jepun.⁴ Sementara itu pihak tentera Jepun meneruskan pergerakkannya menuju ke selatan terus ke Singapura. Oleh itu satu pentadbiran sementara mula dijalankan di negeri Melaka di bawah arahan Major Ozone.⁵

Dasar pentadbiran Jepun di tanah jajahan baharunya diputuskan sejak 1941 adalah bersifat imperialistik dan bertujuan untuk menegakkan hegemoni tentera.⁶ Dalam persidangan di antara Markas Besar Am Kerajaan (Daihonei) dengan konferensi hubungan pada 20 November 1941 telah ditetapkan beberapa perkara penting tentang pentadbiran tanah jajahan. Hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran tentera itu ialah;

1. Sasaran pemerintahan tentera adalah:
 - a) Pemulihan ketertiban awam;
 - b) Mempercepatkan penguasaan sumber penting untuk kepentingan pertahanan nasionalnya;

3 Temuramah dengan Enoiq Abdul Rahman Bin Repah pada 17 Ogos 2001 di Kampung Tedong, Merlimau, Melaka.(Lampiran 1)

4 Propaganda-propaganda British mengatakan bahawa Singapura mempunyai pertahanan yang kuat dan kebal, tetapi ianya hanyalah semata-mata untuk menguatkan semangat askar-askar British yang sudah lemah itu. I.K. Agastja, *Sedjarah dan Perjuangan di Malaya*, Jogja:Usaha Penerbitan Nusantara, 1951, hlm.79

5 Mohd. Yusof bin Harun, "Perkembangan Politik di Melaka: 1930-1946", kertas kerja yang disampaikan kepada penuntut sejarah di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1973.

6 Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan di Negeri Kedah)* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1992, hlm.33.

- c) Menjamin supaya kawasan yang ditakluk dapat berdikari dari segi ekonomi dan memastikan kepentingan pembiayaan tenteranya dapat ditanggung.
2. Status terakhir setiap wilayah yang diduduki dan masa depannya akan ditentukan secara berasingan.
3. Dalam pelaksanaan pemerintahan tentera, organisasi pemerintahan yang sedia ada akan dimanfaatkan sebanyak mungkin dengan menghormati struktur organisasi tempatan dan kebiasaan pribumi.
4. Kehidupan penduduk pribumi akan dibina sedemikian rupa sehingga mempercayai keupayaan pasukan kemaharajaan dan tidak akan menggalakkan perkembangan gerakan kemerdekaan di kalangan masyarakat pribumi.⁷

Dasar umum yang diringkaskan di atas memang cuba diterapkan oleh pentadbiran tentera (Gunsei Kanbu) di tanah jajahan Jepun yang baru. Menurut rancangan Jepun, Tanah Melayu akan diletakkan di bawah satu pentadbiran tentera darat.⁸ Tanah Melayu juga telah disatukan dengan Sumatera di bawah satu pentadbiran. Singapura adalah sebahagian daripada Negeri-negeri Selat dianggap penting dari segi kedudukan pulau dan kepentingan-kepentingan ekonomi. Oleh itu Singapura telah ditukar namanya kepada Syonan (Cahaya Selatan) dan mempunyai

⁷ Harry J. Benda, *Japanese Military Administration in Indonesia- Selected Document*, New Haven: Yale University Southeast Asia Studies, 1965, hlm 1-2.

⁸ *Ibid* ., hlm. 5.

pentadbiran istimewa daripada negeri-negeri lain di Malaya (Malai) dan menjadi pusat pentadbiran pula kepada negeri-negeri di Malaya.⁹

Pentadbiran awal Jepun di Melaka, seperti di negeri-negeri lain di Malaya adalah pentadbiran tentera yang lebih menekankan tindakan-tindakan tegas yang perlu diambil untuk mententeramkan keadaan dan menimbulkan semula keamanan dan peraturan untuk mengawal keselamatan dalam negeri supaya kekacauan tidak akan timbul.¹⁰ Ini adalah penting kerana memandangkan suasana peralihan itu penuh dengan ketidakstabilan ekonomi dan sosial di mana berlakunya perompakan, samun menyamun dan lain-lain jenayah.¹¹

Dalam usaha untuk mengwujudkan ketenteraman, pihak pentadbiran Jepun di Melaka di bawah pimpinan Major Ozone telah memancung kepala penjenayah-penjenayah dan mempamerkan kepala-kepala manusia yang sudah bercerai daripada badannya di Padang Nyiru, Melaka dan di tempat-tempat lain yang selalu dikunjungi oleh orang ramai.¹² Langkah yang sedemikian rupa, di samping telah menakutkan orang ramai, telah juga dapat mengawal keadaan daripada huru-hara yang berlanjutan.¹³

9 W.H.Elsbree, *Japan's Role in Southeast Asian Nationalist Movements 1940-1945*, New York: Russell & Russell, 1970, hlm.7

10 *Ibid.*, hlm. 19.

11 Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down*, Singapore: Jitt and Co. Ltd. 1946, hlm 11-25

12 Temuramah dengan Tuan Haji Mamat bin Said, pada 6 September 2001, di Kampung Asam Kumbang, Bemban, Melaka.(Lampiran 1)

13 Chin Kee Onn, *Malaya*, hlm. 25.

Ini ditambah pula oleh keluasan negeri Melaka yang kecil dan hanya mempunyai tiga daerah sahaja telah membolehkan keamanan dipulihkan dalam jangka waktu yang singkat. Pentadbiran Jepun juga telah mengeluarkan arahan-arahan supaya penyimpan-penyimpan senjata api menyerahkan senjata mereka kepada pemerintah. Pemberi maklumat tentang penyimpanan senjata api akan diberikan hadiah oleh pentadbiran Jepun.¹⁴

Dasar Pentadbiran Jepun pada umumnya mahu menjadikan Tanah Melayu sebagai tanah jajahannya. Ini dapat dilihat apabila ramai pegawai pentadbiran Jepun dipilih daripada golongan tentera dan sedikit sahaja dipilih daripada pegawai awam. Peranan golongan tentera dalam pentadbiran adalah penting kerana perjalannya diuruskan oleh organisasi kerajaan tentera dan struktur kuasa yang sangat bergantung kepada sistem pemerintah. Pada peringkat awal pentadbiran Kerajaan Tentera Jepun di Tanah Melayu tidaklah begitu kompleks, cuma terdapat empat jabatan sahaja yang terdiri daripada Jabatan Hal Ehwal Am, Kewangan, Harta Benda dan Perhubungan serta Majlis Mesyuarat. Pada akhir tahun 1942, ianya menjadi semakin kompleks dengan tertubuhnya sebelas jabatan, dua puluh lima bahagian jabatan dan beberapa biro.¹⁵ Menyedari akan kesulitan ini maka pada bulan Mei 1943, Mejar Jeneral Fujiwara iaitu Ketua Jabatan Hal Ehwal Am

¹⁴ *Syonan Simbun*, 9 Disember 1942.

¹⁵ Yoji Akashi, “Bureaucracy and the Japanese Military Administration with Special Reference to Malaya”, dlm William H. Newell, (ed.), 1981, *Japan in Asia, 1942-45*, Singapore: Singapore University Press, hlm. 55.

menyusun semula Gunsei Kanbu dan mengecilkan jumlah jabatan menjadi enam saja.¹⁶

Pada bulan Jun 1943, satu undang-undang telah dikuatkuasakan iaitu *Maintenance of Public Peace and Order Law* di mana hukuman mati kepada sesiapa yang melakukan kesalahan-kesalahan berikut:

1. menjadi ketua ataupun jawatankuasa kepada sebarang pertubuhan yang menentang kerajaan,
- 2 menjadi ahli kepada pertubuhan-pertubuhan berbentuk demikian,
- 3 menjadi ketua ataupun peserta di dalam rusuhan-rusuhan yang bertujuan menentang kerajaan.,
- 4 menjadi penyokong kepada rusuhan-rusuhan tersebut,
- 5 mereka yang terlibat di dalam menyebarkan propaganda subversif menentang kerajaan,
- 6 mereka yang terlibat di dalam rompakan bersenjata dan setiap penggunaan paksaan dan kekerasan,
- 7 merogol,
- 8 mencuba ataupun membantu sebarang kegiatan yang dinyatakan di atas ¹⁷

Undang-undang tersebut bertujuan untuk mengawal keamanan dan ketenteraman negeri-negeri di bawah jajahan Jepun. Langkah mengadakan

¹⁶ Mohamad Isa Othman, *Pendudukan Jepun*, hlm.35

¹⁷ *Syonan Simbun*, 20 Jun 1943.

pentadbiran tentera tersebut telah dipersetujui oleh mesyuarat-mesyuarat yang dadakan di Jepun. Umpamanya *Liaison Conference of the Imperial Headquaters* yang bermesyuarat untuk mengkaji semula pentadbiran Jepun di tanah Jajahan pada 20 November 1944, telah menekankan lagi betapa pentingnya sistem pentadbiran bercorak tentera untuk mengawal keamanan dan ketenteraman itu.¹⁸ Tambahan pula kerajaan pusat Jepun sendiri lebih terpengaruh dan menaruh kepercayaan yang besar terhadap tenteranya dalam usaha membina ‘Lingkungan Asia Timur Raya’ untuk diwujudkan supaya menjadi kenyataan dengan “the efforts of the soldiers at the front and the people at home”.¹⁹


Pentadbiran tentera tersebut telah ditugaskan untuk memikul tanggungjawab bagi menggerakkan rakyat supaya berusaha dengan lebih giat lagi untuk mengeluarkan sendiri barang-barang keperluan masing-masing. Rakyat telah diarahkan menanam padi serta ubi kayu di kawasan rumah untuk keperluan masing-masing.²⁰ Rakyat juga telah diminta berusaha dan dilarang mencuri. Sekiranya ada yang tertangkap akibat mencuri, hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah amatlah berat sekali.²¹

18 W.H. Elsbree, *Japan's Role*, hlm. 18-19.

19 Ucapan Tahun Baru 1944 oleh Perdana Menteri Jepun, Hideki Tojo. *Malai Sinpo*, 1 Januari 1944.

20 Temuramah dengan Encik Ali bin Dalim, pada 18 September 2001, di Kampung Tun Abdul Razak, Bukit Katil, Melaka. (Lampiran 1)

21 Temuramah dengan Tuan Haji Hashim Bin Salim, pada 2 Oktober 2001, di Kampung Paya Datuk, Alor Gajah, Melaka. (Lampiran 1)



Gambar di atas menunjukkan bendera tentera Jepun di tulis dengan nama regiment dan pegawai-pegawai yang menyerang Tanah Melayu.

Gambar asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.

HIDUPLAH—
SEMANGAT BERTANI



Gambar di atas menunjukkan petikan dari Majalah Semangat Asia yang meminta semua penduduk tanah Melayu bercucuk tanam untuk membendung masalah ekonomi negara yang meruncing pada ketika itu.

Sumber asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.

Pihak pentadbiran Jepun juga telah diarahkan supaya mengikut sekurang-kurangnya enam landasan sebagai dasar perjalanan pentadbiran mereka di negeri-negeri jajahan iaitu;

- i. membawa dengan lebih giat lagi alat-alat dan bahan-bahan kegunaan perang (war material) ke negeri Jepun.
- ii. Menambahkan lagi pengeluaran barang-barang makanan yang utama dan kain baju untuk kegunaan tempatan.
- iii. Menggalakkan supaya bertambahnya bilangan buruh-buruh wanita.
- iv. Mengaut lebihan kuasa beli dengan tujuan untuk menghalang inflasi.
- v. Memperkuatkan lagi struktur baru untuk pertukaran barang-barang diantara kawasan tanah-tanah jajahan.
- vi. Mengwujudkan dan mengekalkan keamanan dan kesejahteraan.²²

Apabila diteliti dasar-dasar pentadbiran Jepun tersebut, amat jelas kelihatan bahawa Jepun amat mementingkan ekonomi dalam penjajahan mereka. Empat daripada enam dasar pentadbiran mereka di negeri-negeri jajahan mengandungi motif ekonomi yang ditujukan sebagai pembangunan semasa dan selepas perang oleh Jepun. Disamping untuk mewujudkan ekonomi secukup hidup terutama sekali dalam aspek pertanian, ia juga bertujuan untuk menjadikan wilayah-wilayah jajahannya sebagai penyumbang bahan-bahan keperluan untuk meneruskan peperangan.²³ Dasar untuk mewujudkan sekurang-kurangnya ekonomi secukup

²² *Malai Sirpo*, 5 Januari 1944.

²³ *Ibid.*

hidup iaitu adalah perlu untuk mengurangkan penderitaan masyarakat tempatan memandangkan bantuan-bantuan luar amat sukar diadakan kerana sekatan-sekatan oleh pihak Berikat.

Pentadbiran tentera Jepun menganggap bahawa setiap wilayah yang telah didudukinya mestilah menyumbangkan sedikit sebanyak sumbangan untuk membebaskan masyarakat Asia. Oleh itu Jepun telah mengexploitasi setiap bahan-bahan mentah yang terdapat di negeri Melaka untuk tujuan tersebut. Pembukaan sebuah lombong boksait di Telok Mas, Melaka yang dikenali sebagai lombong I.S.K (singkatan kepada Ishihara Sangyo Kabushiki Kaisha)²⁴ dapat membuktikan kenyataan tersebut. Lombong tersebut telah dibuka pada awal bulan Jun 1942 dengan tenaga buruhnya adalah daripada pemuda-pemuda tempatan khasnya daripada kampung Telok Mas. Hasil galian itu dibawa ke Jepun dengan kapal laut untuk diproses menjadi alat kelengkapan perang bagi mengatasi kekuatan musuh.

Sebelum Perang Dunia Kedua meletus, Melaka terletak di bawah pentadbiran Negri-negeri Selat . Namun begitu, apabila Jepun mula menguasai Tanah Melayu, Melaka telah diletakkan di bawah pentadbiran yang sama dengan negeri-negeri Melayu yang lain termasuk Pulau Pinang. Seperti Negeri-negeri Melayu yang lain, Melaka juga diiktiraf sebagai bertaraf provinsi (shu) dengan bandar Melaka sebagai pusat pentadbirannya.

²⁴ Temuramah dengan Tn. Haji Abdul Ghani bin Ahmad di Kampung Telok Mas pada 2 Ogos 2001.

Sungguhpun begitu pentadbirannya adalah diawasi, diarah dan diselaraskan oleh Pentadbiran Tentera Jepun. Gabenor Melaka yang pertama dilantik secara rasmi menggantikan Major Ozone adalah seorang awam iaitu Ken Tsurumi, yang sebelum Perang Dunia Kedua pernah berkhidmat sebagai Konsul Jepun di Singapura.²⁵ Oleh itu beliau memahami suasana dan keadaan tempatan dengan baik dan dianggap oleh penduduk tempatan sebagai Gabenor yang bersopan dan bertimbang rasa. Malangnya beliau tidak lama berkhidmat di Melaka kerana ditukarkan ke tempat lain.

Satu perkara yang umum berlaku di dalam pentadbiran Jepun ialah sering berlaku pertukaran pegawai-pegawai mereka setelah berkhidmat hanya beberapa bulan saja di sesuatu tempat. Pertukaran pegawai-pegawai itu di sebabkan kurangnya mereka di negeri-negeri lain. Dalam masa yang singkat pula, usaha-usaha untuk melatih rakyat tempatan untuk menjadi pentadbir, walaupun telah diura-ura dan cuba dijalankan, namun begitu masih belum dapat dilakukan dengan sepenuhnya.

Langkah penukaran pegawai-pegawai tersebut memberi kesan yang mendalam di dalam pentadbiran Jepun di Melaka. Di samping keadaan yang

²⁵ *Sinaran Matahari*, (Melaka), Jil 1, Bil. 1, 24 Ogos 1942, hlm. 4

kurang teratur itu berlanjutan, langkah tersebut menampakkan seolah-olah mereka tidak bersungguh-sungguh untuk memahami keadaan rakyat tempatan. Langkah tersebut juga telah dianggap sebagai;

“...probably in accordance with the Japanese practice of never allowing a person to stay long in any one post; with the result that just as man is beginning to know his duties is removed.²⁶

Oleh itu satu jurang seolah-olah telah wujud di antara pentadbiran Jepun dengan rakyat kerana kebolehan pegawai-pegawai tersebut yang terbatas hingga agak sukar berhadapan apalagi untuk memenuhi kehendak-kehendak rakyat. Kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan oleh pentadbiran Jepun telah mendorong akibat-akibat yang segera terhadap pentadbiran Jepun sendiri. Oleh itu sikap rakyat yang pada mulanya gembira melihat kedatangan satu kuasa baru yang mengalahkan British telah mula berubah menjadi benci dengan dasar-dasar Jepun tersebut.

Keadaan ini telah menjadikan gerakan-gerakan penentangan bawah tanah seperti M.P.A.J.A. telah bertambah mendapat sokongan rakyat tempatan. Masalah kekurangan pegawai-pegawai telah menyulitkan pihak pentadbiran tentera Jepun. Akibatnya, suatu pembahagian kuasa yang jelas dan tegas tidak dapat dijalankan, Malah dalam merekrut pegawai bumiputera juga telah timbul masalah tersebut. Seorang pegawai bumiputera yang terlatih mengikut kehendak Jepun dan

telah menerima *seishin*²⁷ akan menjadi rebutan berbagai-bagai jabatan pentadbiran. Umpamanya kejadian yang berlaku kepada Encik Abdul Rahman bin Repah, dapat membuktikan wujudnya keadaan tersebut. Beliau telah mendapat latihan pentadbiran Jepun dan telah menerima *seshein* selama enam bulan di Syonan (Singapura) dan telah menjadi rebutan kepada *Bunkyoka* (Jabatan Pelajaran), *Chiangka* (Cawangan Khas Jepun) dan *Shendenka* (Jabatan Penerangan Jepun) di Melaka.

Ketua-ketua setiap jabatan tersebut mengakui bahawa masing-masing lebih berkuasa daripada yang lain. Akhirnya, beliau terpaksa memutuskan sendiri jabatan yang ingin dimasukinya, iaitu *Chiangka*. Dalam jabatan ini pula beliau diminta berkhidmat di dalam kedua-dua bahagian *Chiangka*, iaitu *Liangkacho* (bahagian darat) dan *Sasagirenseijo* (Bahagian laut)²⁸

Persaingan tersebut disamping menunjukkan tidak adanya penyelarasan kuasa di atas setiap jabatan, ianya juga telah menampakkan bagaimana kurangnya pegawai-pegawai Jepun dan tempatan yang terlatih menurut kehendak Jepun.

27 Tan Thon Lip, *Kempetal Kindness* Singapore: The Malayan Law Journal, 146, hlm 68.

27 *Setshin* ialah semangat yang bercorak cintakan Maharaja Jepun, Tenno Heika, sanggup mengorbankan jiwa demi untuk memelihara kehormatan Maharaja, penuh taat setia kepada Maharaja. Kecintaan yang mendalam terhadap Tenno Heika ialah kerana kepercayaan mereka bahawa Tenno Heika adalah penjelmaan Tuhan di dunia yang berketurunan matahari. Lihat Chin Kee Onn, *Malaya*, hlm. 168-177.

28 Temuramah dengan Encik Abdul Rahman bin Repah pada 17 Ogos 2001.

Keamanan dan ketenteraman awam adalah merupakan salah satu motif utama pentadbiran awal tentera Jepun. Dalam menjalankan dan memelihara ketenteraman awam, pihak Jepun telah menumpukan perhatian kepada unit kecil pentadbiran iaitu perkampungan dengan menubuhkan pasukan-pasukan kawalan kampung yang dikenali sebagai *Jikeidan*. Di samping untuk mengawal kampung *Jikeidan* juga di anggap mustahak untuk mengelakkan masyarakat dan kampung daripada penyusupan musuh.²⁹

Pasukan *Jikeiden* akan bertanggungjawab di atas setiap kejadian yang berlaku di kampung mereka. Anggota-anggotanya ialah penduduk-penduduk kampung yang biasanya berumur dua puluh tahun ke atas. Setiap malam, dua orang *jikeidan* ditugaskan mengawal kampung bagi satu giliran empat jam seorang. Mereka juga akan memakai tanda yang berlilitkan bendera Jepun dilengkap kiri mereka sewaktu menjalankan tugas. Sebelum menjalankan tugas mereka hendaklah melaporkan diri di pos masing-masing.

Sebenarnya, struktur *jikeidan* di seluruh kampung di negeri Melaka adalah sama. Setiap sepuluh buah rumah penduduk di sesuatu kampung yang dikenali sebagai *Tonari* akan di ketuai oleh seorang *Tonari Kimicho*. Ianya berperanan sebagai seorang ketua di dalam sesuatu kumpulan. *Tonari Kimicho* mesti bertanggungjawab terhadap setiap kejadian buruk yang menimpa orang-orang yang berada di bawah kawalannya. Namun begitu, jarang-jarang berlaku peristiwa yang tidak dikehendaki yang dilakukan oleh anak-anak buah *Tonari Kimicho*.

²⁹ Temuramah dengan Abdul Rahman Repah pada 17 Ogos 2001.

kerana menghormatinya sebagai orang yang paling tua di dalam kumpulan tersebut. Ini kerana selalunya perlantikan *Tonari Kimochō* ini adalah orang yang paling tua sekali dalam kumpulan sepuluh buah rumah itu dan akan mengakibatkan anak-anak buahnya yang lain akan merasa malu untuk melakukan perkara yang tidak baik.³⁰

Seluruh unit anggota *jikeiden* di dalam sesuatu unit sesebuah kampung pula akan diketuai oleh *Danko*. Ini bermakna kedudukan *danko* lebih tinggi dari *jikeidan*. Sebenarnya *danko* adalah orang perantaraan di antara penduduk tempatan dengan pentadbiran tentera Jepun. Namun begitu hubungan antara *danko* dengan pentadbiran hanyalah terbatas tentang keselamatan dan pengawalan penduduk kampung sahaja. Walaupun *jikeidan* bekerja di bawah pentadbiran Jepun namun begitu pekerjaan mereka ini adalah jawatan sukarela sahaja kerana mereka sebenarnya tidak dibayar gaji dengan apa yang mereka lakukan. Mereka akan melakukan apa yang telah di arahkan oleh pentadbir Jepun. Pakaian bertugas mereka juga tidak diberi oleh Jepun dan mereka terpaksa menyediakan pakaian sendiri kerana kedudukan ekonomi pada ketika itu berada di tahap yang cukup buruk. Sungguhpun *jikeidan* tidak mendapat clauan dan gaji tetapi mereka mendapat bekalan ubat-ubatan dan mendapat hak yang sama ke atas tanam-tanaman yang mereka tanam secara bergotong-royong.³¹

Pada zaman pentadbiran tentera Jepun di Melaka, keadaan dikatakan aman kerana jarang-jarang berlaku kes-kes seperti jenayah, kecurian serta rompakan. Ini

³⁰ Temuramah dengan Encik Abdul Rahman bin Repah pada 17 Ogos 2001.

³¹ *Ibid.*

mungkin disebabkan, pentadbiran Jepun telah menerapkan nilai-nilai murni terhadap penduduk-penduduk kampung seperti rajin bekerja, hukuman yang berat akan dijatuhkan sekiranya melakukan jenayah dan pelbagai lagi. Kejadian jenayah hanya berlaku ketika zaman peralihan pentadbiran iaitu dari zaman British ke zaman Jepun. Perkara ini berlaku kerana keadaan masih lagi kelam-kabut dan huru-hara.

Keamanan atau kurangnya tercetus kejadian-kejadian yang tidak diingini di atas adalah disebabkan dasar pentadbiran tentera Jepun yang ganas serta tidak berperikemanusiaan terhadap pesalah-pesalah jenayah. Hukuman yang dijatuhkan terhadap pesalah-pesalah amat berat sehingga ada yang memudaratkan ke atas tubuh penjenayah. Hukuman yang dijatuhkan juga dikatakan tanpa perbicaraan ataupun usul periksa terlebih dahulu. Mungkin hukuman yang dijalankan ini menakutkan masyarakat untuk melakukan perkara yang tidak baik pada waktu pentadbiran Jepun dahulu. Umpamanya, jika didapati seseorang yang telah melakukan kesalahan, pegawai keamanan Jepun samada polis Jepun atau kempeitai akan mengambil jalan mudah untuk menyelesaiannya seperti mendera dan menyeksa pesalah walaupun mungkin pesalah itu difitnah.³²

Ini menunjukan bahawa kekurangan masalah jenayah pada waktu itu bukanlah kerana tertanamnya sifat tanggungjawab yang diterapkan oleh pentadbiran Jepun tetapi ianya berlaku kerana perasaan takut terhadap

³² Temuramah dengan Tn. Hj. Jaafar bin Abd. Wahid pada 24 Oktober 2001 di Kg. Paya Datuk Alor Gajah, Melaka.(Lampiran 1)

penganiayaan yang akan dilakukan oleh talibarut serta *kempeitai* Jepun. Hukuman yang dijatuhkan selalunya tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Walaupun pentadbiran Jepun di Melaka amat tegas dengan pelbagai peraturan tetapi Jepun juga tidak mengabaikan penderitaan rakyat pada ketika itu. Sewaktu pentadbiran Jepun, makanan amat sukar diperolehi kerana sekatan-sekatan telah dilakukan. Untuk mengelakkan berlakunya kekurangan makanan, Pentadbiran Jepun telah mengedarkan kupon-kupon kepada penduduk tempatan untuk memudahkan mereka mendapatkan makanan. Barang-barang yang boleh diperolehi dengan menggunakan kopon termasuklah beras, gula, susu serta kain baju.³³ Namun begitu barang-barang keperluan tersebut semakin berkurangan menyebabkan langkah mengambil barang dengan menggunakan kopon tidak dapat dilaksanakan dalam jangka waktu yang panjang.

Pengeluaran kupon-kupon tersebut adalah mengikut Undang-undang Kawalan Benda-benda yang Mustahak yang telah dijalankan oleh pentadbiran Jepun selepas mereka menduduki Tanah Melayu. Langkah tersebut telah cuba sedapat-dapatnya menjamin bahawa setiap rakyat dapat menikmati bahagian masing-masing dengan seadil-adilnya. Di samping itu ‘pasar gelap’ yang menjadi-jadi³⁴ juga cuba dihapuskan atau dikurangkan dengan undang-undang tersebut, dan ini akan membolehkan satu pengawalan terhadap mata benda daripada jatuh ke

³³ Temuramah dengan Tn. Hj Mat Deni bin Omar pada 27 Ogos 2001, di Kampung Tun Abdul Razak, Bukit Katil, Melaka.(Lampiran 1)

³⁴ Chin Kee Onn, *Malaya*, hlm. 34-38.

tangan musuh. Walaubagaimanapun pihak Jepun bukanlah berniat untuk meneruskan undang-undang tersebut selama-lamanya dan ia akan dimansuhkan setelah ekonomi negeri ini berjalan dengan baik. Sebagai usaha pemansuhan undang-undang tersebut, pihak pentadbiran Jepun telah berusaha untuk menggalakkan penduduk tenpatan supaya bercucuk tanam sekurang-kurangnya untuk secukup hidup atau sara diri.

Di bawah pengawasan Jabatan Pertanian, petani-petani diberikan biji benih dan baja percuma. Bukan sahaja biji benih yang diberi malah tanah juga telah disediakan oleh pentadbiran Jepun untuk mengatasi masalah tersebut. Pentadbiran Jepun sebenarnya telah menimbulkan semangat bercucuk tanam dengan cara yang moden jika dibandingkan dengan pentadbiran British. Ladang-ladang getah telah ditebang dan digantikan dengan tanaman-tanaman makanan seperti padi, ubi kayu dan sayur-sayuran supaya penduduk-penduduk mendapat peluang untuk ‘berdiri sendiri’,³⁵

Bagaimana pun atas dasar kemajuan bersama, Jepun telah memberi bantuan-bantuan kewangan khas untuk pertanian. Penubuhan Sekolah Pertanian Jepun (Noji Korensho) di Telok Chengai, Alor Star, menunjukkan bahawa Jepun bercita-cita untuk membaiki lagi corak pertanian di negeri ini. Seawal tahun 1943, pihak pentadbiran Jepun di Tanah Melayu telah berura-ura menyiapkan langkah-langkah untuk mengenalkan tanaman padi dua kali setahun. Satu kawasan seluas enam puluh ekar di Telok Gadong, Melaka, telah ditanam dengan padi dan sayur-

³⁵ *Semangat Asia*, No.9, Tahun 1, Kugatsu (September), Syowa 18, 2603. hlm. 2

sayuran di bawah arahan seorang pegawai pertanian Jepun.³⁶ Sungguhpun usaha-usaha penanaman padi cuba dilaksanakan, namun sudah menjadi bukan satu rahsia lagi bahawa ubi kayu adalah satu tanaman yang amat popular sewaktu pendudukan Jepun dahulu. Ubi kayu telah menjadi makanan asas yang popular pada masa itu³⁷ kerana kurangnya makanan dan amat mudah ubi kayu untuk hidup apabila ditanam. Hasil ubi kayu juga dapat diperolehi dalam jangka waktu yang lebih singkat jika dibandingkan dengan hasil tanaman padi.

Sungguhpun tanaman-tanaman pada umumnya kurang menjadi sewaktu pemerintahan Jepun, namun negeri Melaka telah mendapat hak untuk mengendalikan sendiri hasil padinya lebih awal daripada negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Melaka telah mendapat hak tersebut pada 24 Ogos 1944, apabila Undang-undang Kawalan Benda-benda yang Mustahak telah dimansuhkan bagi negeri itu. Akibatnya, catuan beras kemudiannya telah dihapuskan pada 1 Oktober 1944, ‘makan tidak lagi bersukat’³⁸ Langkah tersebut yang telah ditunjukkan oleh Melaka penting bagi seluruh Malai kerana;

‘... itulah satu bukti di atas kehasilan kesanggupan berusaha turun ke tanah dari orang ramai... Di sini hendaklah kita merakamkan setinggi-tinggi pujian kita kepada Melaka yang telah mendahului negeri-negeri lain dalam hal makanan.’³⁹

Langkah-langkah yang diambil oleh pentadbiran Jepun di Melaka untuk mengatasi masalah kekurangan bahan-bahan makanan telah mencapai

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Semangat Asia*, No. 3, Tahun 2, Sangatsu, (Mac) Syowa 19, 2604. (1944)

³⁸ *Perubahan Baru*, (Kuala Lumpur), 28 Ogos, 1944.

³⁹ *Ibid.*

sedikit kejayaan. Walau bagaimanapun percubaan tersebut telah menunjukkan keazaman pentadbiran Jepun untuk mengatasi masalah tersebut. Sungguhpun demikian masalah-masalah lain termasuk bencana alam seperti kemarau dan kekurangan penawaran barang-barang makanan tidak dapat memberi kejayaan yang penuh kepada langkah-langkah yang dilakukan oleh Jepun. Walaupun tidak banyak kejayaan yang ditempa oleh Jepun dalam membangunkan sektor pertanian di Tanah Melayu tetapi usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Jepun telah menunjukkan keazaman pentadbiran Jepun cuba membaiki taraf hidup rakyat di Melaka.

Semangat gotong-royong yang sudah sedia tertanam di dalam jiwa masyarakat Melayu telah dibajai oleh pentadbiran Jepun sewaktu pemerintahan mereka. Semangat ini telah dihidupkan kembali oleh pentadbiran Jepun di Melaka. Rakyat telah diarahkan secara bergotong-royong dalam hal bercucuk tanam tanpa mengira faktor umur. Usaha tersebut dijalankan secara besar-besaran tanpa mengcuklikan setiap orang termasuk pegawai-pegawai kerajaan. Setiap inci tanah mesti ditanam dengan tanam-tanaman seperti padi, sayur dan sebagainya walaupun di halaman rumah.⁴⁰ Setiap pejabat kerajaan juga mempunyai ladang tanaman masing-masing yang mesti dikerjakan di waktu petang atau pun semasa bercuti untuk dijadikan contoh kepada masyarakat seluruhnya bahawa pentadbiran Jepun tidak membeza-bezakan sesiapapun.

⁴⁰ Temuramah dengan Tuan Hj. Bahari Idris pada 7 Ogos 2001.

Langkah tersebut telah dianggap satu-satu langkah yang terpuji untuk meninggalkan sifat-sifat sompong dan bongkak pegawai-pegawai seperti yang terdapat di zaman British dahulu.⁴¹ Arahan-arahan yang dibuat oleh pentadbiran Jepun jelas tidak mengklasifikasikan rakyat dengan pegawai-pegawaiannya. Pentadbiran Jepun juga telah cuba mcorentasikan pegawai-pegawaiannya dengan cara hidup baru yang amat berbeza dengan cara penghidupan mereka di zaman British sehingga;

“Pada hitungan panjang ini, Malai tidak pedulikan lagi tali leher atau “Kot pantelon” yang keras. Kemeja sekerat dengan seluar sudah memadai bagi kerja pejabat”.⁴²

Namun begitu, perubahan yang dibawa oleh pentadbiran Jepun untuk menerapkan nilai-nilai penjepunian kepada sikap pegawai-pegawai mereka adalah satu perkara yang sukar sekali. Kebetulan pula pada waktu ini kemelesetan ekonomi telah melanda Tanah Melayu dan seluruh dunia telah menyebabkan kehidupan ketika itu serba kekurangan. Kekurangan kain baju dan segala keperluan hidup telah memaksa Jepun berbuat demikian. Di sini dapatlah dibuat kesimpulan bahawa besar kemungkinan tekanan ekonomi telah menyebabkan berlakunya perubahan corak hidup pegawai-pegawai yang disebutkan tadi.

Kesan daripada semangat bergotong-royong secara besar-besaran itu telah menjadikan jumlah tanah yang terbiar di negeri Melaka pada ketika itu berkurangan. Banyak tanah-tanah yang terbiar telah diterokai oleh penduduk tempatan di atas arahan pentadbiran Jepun untuk pertanian. Akibat daripada

⁴¹ *Semangat Asia*, Tahun 2, No. 9, Kugatsu (September), Syowa 18, 2603, hlm. 3

⁴² *Ibid.*

gotong-royong ala-Jepun tersebut telah menyebabkan buruh-buruh kerajaan berkurangan. Satu perkara yang amat dibanggakan dari semangat gotong-royong pada zaman pentadbiran Jepun di Melaka ialah pembinaan Lapangan Terbang Batu Berendam.⁴³

Pembinaan lapangan terbang ini adalah hasil gotong-royong yang dilakukan sewaktu pentadbiran Jepun di Melaka. Walaupun kerja yang dilakukan itu secara dipaksa oleh tentera Jepun tetapi kesannya amat baik walaupun ramai penduduk Melaka pada waktu itu terseksa dengan arahan Jepun. Penduduk-penduduk tempatan yang terdiri daripada *jikeidan-jikeidan* yang diketuai oleh *danko* dan pegawai-pegawai melibatkan diri dalam usaha untuk menjayakan rancangan tersebut.

Penanaman semula secara meluas dan tersebar kepada seluruh lapisan rakyat melalui rancangan gotong-royong tersebut telah menunjukkan bagaimana Jepun cuba menyesuaikan diri dengan keadaan tempatan. Adalah menjadi satu perkara yang umum diperkatakan bahawa Jepun sentiasa memaksa rakyat supaya bekerja untuk membina kembali ekonomi negeri. Membuang masa di kedai kopi, akan menimbulkan kemarahan Jepun dan hukuman akan diberi seperti penampar, sepak terajang akan dijatuhkan di waktu itu juga. Sikap ganas dan tanpa bertimbang rasa inilah yang membuatkan rakyat sentiasa takut dan patuh segala arahan dan kehendak Jepun.

43 Pihak Jepun mengusahakan pembinaan asal lapangan terbang di Batu Berendam untuk tujuan membawa barang-barang dalam negeri sahaja. Lapangan terbang itu telah dibaharui dan masih lagi digunakan sehingga sekarang.

Dalam meneliti tentang perkembangan ekonomi, keamanan dan ketenteraman amat diperlukan sekiranya ingin melihat ekonomi berkembangan dengan baik. Untuk memastikan kepesatan ekonomi tumbuh semula, Jepun telah menukuhan pengawal keamanan dan ketenteraman seperti polis, kempeitai, giutai dan jikeidan di peringkat kampung. Sistem keadilan amat dititikberatkan. Sistem keadilan seperti perbicaraan di mahkamah telah dijalankan dengan menurut undang-undang Jepun. Pada tahun kedua pentadbiran Jepun di Malai, satu ordinan perundangan yang baru telah diperkenalkan di Malai. Menerusi Judicial Organization Ordinance, November 1943, sistem perundangan telah diperbaiki lagi.⁴⁴ Mahkamah-mahkamah keadilan menjadi lebih teratur, pejabat pendakwa raya ditubuhkan dan penjara-penjara serta setiap perkara yang bersangkutan dengan keadilan telah disediakan. Pembinaan semula penjara-penjara sebagai satu alat untuk melaksanakan hukuman menunjukkan ura-ura untuk melicinkan pentadbiran dan menghapuskan kezaliman. Sistem perundangan yang baru ini telah diletakkan di bawah Pentadbiran Tentera Malai (*Malai Gunseikanbu*)⁴⁵

Mahkamah-mahkamah mempunyai kuasa untuk mengendalikan perbicaraan-perbicaraan awam termasuk jenayah menurut undang-undang. Setiap pesalah atau tertuduh yang melakukan sebarang kesalahan akan disiasat dengan teliti terlebih dahulu sebelum hukuman dijatuhkan. Di samping itu Pendakwa Raya juga bertanggungjawab untuk mengendalikan penyiasatan terhadap penjenayah-penjenayah dan menjalankan tugas-tugas yang mustahak untuk memastikan

⁴⁴ *Malai Sirpo*, 23 November, 1943.

⁴⁵ *Ibid.*

bahawa hukuman yang bakal dijatuhkan adalah hukuman yang adil samada hukuman penjara ataupun hukuman mati.

Berdasarkan ordinan tersebut, lima jenis mahkamah telah dibentuk di Tanah Melayu. Di peringkat negara atau yang paling atas ialah Mahkamah Tertinggi (*Saikohoin*), di peringkat negeri pula ialah Mahkamah Tinggi (*Kotohin*), Mahkamah Daerah (*Chikohin*) dan mahkamah diperangkat mukim iaitu mahkamah penghulu. Sementara itu satu mahkamah khas untuk menyelesaikan masalah yang bersangkutan dengan agama Islam juga telah dibentuk, Mahkamah tersebut dikenali sebagai Mahkamah Kadi.

Di sini kita dapat melihat bahawa setiap mahkamah yang ditubuhkan mempunyai fungsi-fungsi tertentu. Ianya juga dilihat sebagai meliputi keadilan seluruh masyarakat tempatan dan bermula daripada puncaknya di atas, ke peringkat negeri, daerah dan akhirnya ke peringkat mukim. Keempat-empat jenis mahkamah yang terdahulu itu mengendalikan setiap kes-kes yang dilakukan oleh setiap masyarakat di Tanah Melayu tanpa mengira agama dan bangsa. Kes-kes yang dibicarakan dalam sesuatu mahkamah adalah sesuai dengan taraf mahkamah itu sahaja.

Pegawai-pegawai mahkamah pula adalah terdiri daripada Presiden Mahkamah (*Hoincho*), Hakim (*Shinbauken*), Penolong Hakim (*Shinbaukenho*), Pendaftar Mahkamah (*Zimukan Kirokukan*) dan Penyimpan Amanah Raya (*Kokyo jutakukan*). Sementara itu Jabatan Pendakwa Raya pula terdiri daripada dua

jabatan utama iaitu Pejabat Pendakwa Raya Tertinggi (*Saiko hensatsukyoku*) dan Pejabat Pendakwa Raya Tinggi (*Kotokensatsukyoku*) yang mempunyai pula pegawai-pegawai perundangan termasuk Pengarah Pejabat Pendakwa Raya (*Kensatsukyokacho*) dan Pendakwa Raya (*Kensatsukan*)

Pembaikkan dan pengemasan dalam sistem keadilan oleh pentadbiran Jepun, di samping untuk melicinkan pentadbiran seluruhnya juga merupakan keinginan Jepun untuk menjalankan pentadbiran awam untuk menggantikan pentadbiran tentera di Tanah Melayu. Berdasarkan apa yang dikemukakan oleh ordinan baru tersebut, ternyata keinginan pihak pentadbir untuk menyiasat sebenar-benarnya kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh yang tertuduh. Hal seperti ini dilakukan adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya kezaliman dan fitnah-menfitnah yang timbul di kalangan masyarakat. Langkah-langkah tersebut adalah salah satu contoh yang menunjukkan bahawa Jepun bukanlah mahu menindas rakyat dan bersikap kejam yang sering diperkatakan oleh masyarakat tempatan.

Kes-kes peribadi yang berlaku di Melaka telah menunjukkan tidak semua perundangan Jepun itu berjalan dengan baik dan mengikut landasan-landasannya. Ketidakadilan kerap berlaku walaupun ordinan itu telah dikuat-kuasakan. Keadaan dan suasana pada ketika itu masih lagi di tahap yang lama kerana fitnah-menfitnah sering kali berlaku di antara masyarakat tempatan akibat dendam kesumat.⁴⁶

⁴⁶ Termurahmah dengan Enoiq Abdul Rahman bin Repah, 17 Ogos 2001 dan Tuan Hj. Jaafar bin Abd.Wahid pada 24 Okt. 2001 di Kampung Paya Datuk, Alor Gajah, Melaka..

Disamping itu selalunya yang tertuduh terlebih dahulu akan menerima penyeksaan sebelum siasatan selanjutnya dijalankan. Layanan-layanan yang diberikan amat buruk sekali. Penyeksaan tersebut pula sering dianggap sebagai satu cara penyiasatan. Malah disamping penyeksaan tersebut, penggunaan keterangan-keterangan palsu (false evidences), sekiranya diperlukan untuk memaksa seseorang itu mengakui tuduhan-tuduhan yang dihadapkan kepadanya adalah dihalalkan. Paling jelas ialah tidak ada keterangan yang didapati tanpa disertai dengan penyeksaan fizikal.⁴⁷ Meletakkan kesalahan semata-mata kepada pentadbiran Jepun bukanlah satu perkara yang adil. Sewaktu pentadbiran Jepun, jawatan kempeitai ramai disandang oleh rakyat tempatan. Tingkah laku mereka agak kasar dan kadang kala dikatakan ‘lebih Jepun daripada Jepun’. Penyalahan penggunaan kuasa banyak telah dilakukan oleh mereka. Ada yang berunsurkan dendam peribadi kepada seseorang dan tindakan yang mereka lakukan seolah-olah ada unsur balas dendam kepada orang yang didendami.⁴⁸

Walau bagaimanapun suasana yang tidak begitu teratur telah menjadikan tempat itu paling sesuai untuk kejadian-kejadian sedemikian membiak. Ini diketahui umum bahawa suasana seperti yang diperkatakan di atas bukanlah semata-mata dicipta oleh Jepun sahaja tetapi adalah melibatkan anasir-anasir jahat tentera Berikut yang turut menimbulkan kekacauan supaya rakyat hilang kepercayaan terhadap pentadbiran Jepun. Oleh yang demikian, pentadbiran yang belum kuat bertapak dan berakar umbi di Tanah Melayu itupun menjadi lemah kewibawaannya.

⁴⁷ Tan Thon Lip, *Kempetai*, hlm. 34.

⁴⁸ Temuramah dengan Tn. Hj. Jaafar bin Abd.Wahid pada 24 Okt. 2001. .

Dalam usaha untuk menarik orang ramai supaya menggemari pentadbiran tersebut, di samping memenuhi slogan ‘Asia untuk Asia’, latihan-latihan kepimpinan telah dilaksanakan oleh Jepun di Tanah Melayu. Usaha-usaha melatih pegawai-pegawai tempatan ini merupakan langkah pertama Jepun untuk melahirkan pemimpin yang bersemangat waja. sebuah maktab latihan pentadbir telah diadakan di Melaka. Maktab tersebut dipanggil *Malai Kurenjo* telah ditempatkan di bangunan Maktab Perguruan Perempuan Melayu, Durian Daun, Melaka sekarang. Bakal-bakal pentadbir itu dipilih daripada belia-belia seluruh Tanah Melayu yang berusia dua puluh tahun ke atas dan daripada semua bangsa yang terdapat di Tanah Melayu ini. Syarat-syarat yang dikehendaki ialah mempunyai kelayakan yang paling sederhana dalam bahasa Nippon. Permohonan pula dibuat melalui Jabatan Pelajaran Negeri masing-masing dan belia-belia yang terpilih akan menjalani latihan selama enam bulan yang berbentuk separuh tentera,⁴⁹ dengan tujuan untuk mendidik belia-belia tersebut “...menjadi pegawai negeri yang tahu akan kewajibannya sebagai pemimpin rakyat”.⁵⁰

Pentadbir-pentadbir lepasan Malai Kurenjo tersebut akan dihantarkan ke merata-rata daerah di Tanah Melayu. Mereka adalah mencerminkan satu golongan pentadbir yang dilatih oleh Jepun. Adanya latihan ini menunjukkan yang pihak

49 Latihan-latihan di maktab tersebut meliputi aspek-aspek yang penting untuk menjadi pentadbir. Disamping menanamkan semangat cintakan tanahair, mentaati pemerintahan Jepun seperti yang dilakukan ketika menaikkan dan menurunkan bendera Jepun. Mereka juga diarahkan untuk berkawal dan berlari daripada Bandar Melaka ke Telok Mas. Temuramah dengan Encik Maarof Md. Yassan pada 10 Ogos 2001.

50 *Semangat Asia*, Tahun 2, Bil. 9, Kugatsu (Sepetember) Syowa 18, 2603, hlm. 3

pentadbiran Jepun cuba membentuk satu pentadbiran yang teratur di Tanah Melayu disamping menggalakkan lebih ramai masyarakat Melayu melibatkan diri dalam pentadbiran sebagai pegawai-pegawai tinggi. Berbanding dengan British, pihak Jepun telah melatih setiap lapisan masyarakat tanpa mengira kelas sosial masing-masing. Sebuah sekolah yang khusus untuk golongan bangsawan semata-mata telah ditiadakan. Langkah tersebut sekurang-kurangnya membuktikan keazaman pentadbiran Jepun untuk mengadakan satu bentuk pentadbiran birokrasi dari berbagai golongan. Jepun tidak menggunakan satu golongan seperti golongan bangsawan untuk memerintah golongan bawahan seperti yang pernah dilakukan oleh British sebelumnya. Slogan-slogan Jepun seperti ‘Asia untuk Asia’ dengan laungan untuk membebaskan lebih kurang 1, 000, 000, 000 orang umat manusia Asia Timur Raya daripada kebodohan dan belenggu penjajah barat, sebagai salah satu tujuan peperangannya telah cuba dipraktikkan seboleh-bolehnya oleh Jepun.⁵¹ Satu penerangan mengenai penyertaan rakyat dalam pentadbiran telah dikeluarkan oleh Jepun dan menurut rancangan tersebut hampir lima juta rakyat Tanah Melayu akan mendapat keistimewaan melalui penyertaan mereka dalam pentadbiran. Melalui cara tersebut adalah diharapkan bahawa;

“...true to the spirit of “hakko ichi-u” Nippon sincerely desires to enable all the peoples of the world to have their proper places and enjoy their happiness”.⁵²

Ia juga telah memberi kenaikan pangkat tanpa mengira perbezaan ras tetapi berdasarkan kebolehan. Walaubagaimanapun pada zaman pendudukan Jepun yang singkat itu tidak terdapat jawatan-jawatan politik. Oleh itu untuk mengatakan penyertaan rakyat dalam pentadbiran adalah seratus peratus bukanlah satu

⁵¹ *Malai Sinpo*, 6 Jun 1944.

⁵² *Malai Sinpo*, 4 Oktober 1944.

kebenaran mutlak, kerana selalunya jawatan politik dicapai melalui perjuangan parti-parti politik yang didukung oleh rakyat seluruhnya atau sebahagian besar daripadanya. Walaubagaimanapun apa yang dimaksudkan oleh pentadbiran Jepun yang sedia ada ialah penubuhan satu Majlis Perundangan yang dikenali sebagai *Shu-sanjikai*. Penubuhan *Shu-sanjikai* telah bermula pada bulan Disember 1943 sehingga bulan Januari 1944.⁵³ Dalam kenyataan mengenainya dikatakan penubuhannya adalah bertujuan untuk mencipta satu ‘political machinery’ di mana kerajaan dan rakyat dipersatukan menjadi satu tubuh melalui penyampaian kehendak-kehendak rakyat kepada kerajaan dan;

“their new measure has the two folds objective of conveying the people’s will to those who govern and enabling the inhabitants to participate in local administration”.⁵⁴

Menurut rancangannya, Majlis Perundingan tersebut akan ditubuhkan dalam semua negeri dan bandar yang besar dan anggota-anggota majlis tersebut dipanggil Anggota Majlis Perundingan. Anggota majlis tersebut dipilih oleh *Shu-Chokan* (Gabenor) ataupun Datuk Bandar tetapi pilihan itu tidak muktamad sehingga perlantikan-perlantikan itu mendapat persetujuan *Gunsenkaibu* (Ketua Pentadbiran Tentera). Bilangan ahli sesuatu *Shu-sanjikai* adalah ditetapkan oleh Gabenor atau Datuk Bandar. Walaubagaimanapun ahli-ahli yang dilantik itu tidaklah menerima gaji dan ternyata jawatan itu adalah satu jawatan kehormat.⁵⁵

⁵³ Yoichi Itagaki, “Some Aspect of the Japanese Policy for Malaya under the Occupation, with special reference to Nationalism” dalam K.G.Troggonong (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapore, 1962, hlm. 249.

⁵⁴ *Malai Shinpo*, 4 Oktober 1944.

⁵⁵ *Semangat Asia*, Tahun 1, No. 9, Kigatsu (September) Syowa 18, 2603, hlm 3.

Majlis Perunding dianggotai semata-mata oleh wakil masyarakat tempatan dan hanya *Shu-cokan* ataupun Datuk Bandar sahaja yang bertindak sebagai pengerusi, yang terdiri daripada orang Jepun. Penubuhan *Shu-sanjikai* adalah untuk menyalurkan hasrat rakyat kepada pihak pentadbiran Jepun. Oleh itu, perkara-perkara yang dibincangkan atau pun dirundingkan dalam Majlis Perunding tersebut tiada mempunyai had-had tertentu asalkan perkara yang dibincangkan itu berhubungan dengan orang ramai.

Pentadbiran Jepun dilihat telah memberi peluang kepada rakyat secara berperingkat-peringkat dan disesuaikan dengan keadaan masa yang berlaku di Tanah Melayu. Apabila situasi berubah menjadi aman, masyarakat tempatan telah mula diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam pentadbiran. Pada ketika itu, masyarakat sudah mula dapat merasakan kesenangan dan mula menghargai pentadbiran Jepun.

“Langkah memberi kesempatan kepada penduduk-penduduk negeri ini sangat besar ertiinya kerana ia membuktikan kerjasama yang baik diantara penduduk-penduduk dengan Gunsei dan juga menunjukkan bahawa perjalanan pentadbiran tentera telah meningkat kemajuan yang tinggi”⁵⁶

Ucapan-ucapan serta tulisan-tulisan yang mengalu-alukan langkah *Gunseikanbu* untuk berusaha sedaya-upaya bekerjasama dengan rakyat menerusi perlantikan pegawai-pegawai anak negeri itu telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin Melayu termasuk Ishak Haji Mohamad dan Onan Haji Siraj.

⁵⁶ *Ibid.*

Sementara itu langkah tersebut membolehkan Jepun mendabik dada dengan mengatakan bahawa mereka boleh menarik hati masyarakat Asia dengan membetulkan kembali kesilapan-kesilapan mereka⁵⁷ dan ini berbeza dengan pentadbiran British yang begitu bangga mengatakan bahawa mereka lahir pejuang kemanusiaan dan keadilan tanpa menunjukkan sedikit pun perasaan malu.⁵⁸

Walaupun sambutan telah diberikan kepada penubuhan *Shu-sanjikai* oleh beberapa pihak, namun hasilnya masih lagi diragukan. Bagi negeri Melaka, anggota-anggota *Shu-sanjikai* yang dilantik ialah seramai lima belas orang iaitu tujuh orang Melayu, lima Cina, dua India dan seorang Serani.⁵⁹ Setelah *Shu-sanjikai* ditubuhkan, ia terus wujud sehingga tamatnya pentadbiran Jepun di Tanah Melayu. Mesyuarat Sanjikai di Melaka diadakan setiap bulan dan selalunya mesyuarat tersebut diadakan pada minggu yang kedua.⁶⁰

Perkara-perkara yang dimesyuaratkan di dalam persidangan tersebut banyak tertumpu kepada soal-soal mengenai cukai, tanah dan ekonomi negeri. Selalunya dalam mesyuarat tersebut, perkara yang seringkali dibincangkan ialah bagaimana hendak meninggikan taraf ekonomi tempatan dan peranan yang dapat dimainkan oleh rakyat jelata untuk mencapai matlamat Jepun iaitu pembinaan

57 Ucapan Gabenor Naokota Kawamura, Gabenor Perak kerana menyambut Hari Tahun Baru. *Malai Sinpo*, 1 Januari, 1944.

58 *Ibid.*

59 Y. Itagaki, "Some Aspect", hlm. 250. Bagi negeri-negeri Melayu yang lain kita dapati ahli-ahli *Shu-sanjikai* adalah diantara 21 hingga 10 orang. Negeri yang ramai sekali ahlinya ialah Perak. Sedangkan yang paling sedikit ialah Pahang.

60 Temuramah dengan Encik Abdul Rahman bin Repah pada 17 Ogos 2001.

Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya. Isu ini seringkali dibincangkan dalam mesyuarat itu.

Setiap cadangan dan keputusan yang diambil akan diserahkan kepada Gabenor untuk dipertimbangkan sekiranya bersesuaian untuk dilaksanakan. Walaubagaimanapun satu perkara yang dimusyikikan ialah adakah usul-usul majlis tersebut dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Seperti yang diketahui bahawa kuasa-kuasa *Sanjikai* adalah amat terbatas. Setiap isu yang dibawa mestilah disahkan terlebih dahulu oleh Gabenor. Ini menunjukkan bahawa betapa penubuhan *Shu-sanjikai* hanyalah sebagai mengabui mata rakyat dan selalunya hasil keputusan mesyuarat yang dipanjangkan kepada Gabenor kurang mencapai matlamatnya. Ini ditambah pula, anggota-anggota *Sanjikai* yang dilantik dan bertugas secara sukarela tidak berani menyuarakan pendapat-pendapat mereka yang bertentangan dengan pentadbiran Jepun, walaupun perkara yang hendak dinyatakan itu adalah sesuatu yang benar atau kenyataan yang perlu diterima oleh semua pihak.

Perasaan yang memberontak di dalam hati rakyat tidak dapat diluahkan seratus peratus kerana untuk menjaga keselamatan diri sendiri. Ini ditambah lagi dengan kedudukan mereka yang begitu rapat dengan Jepun akan selalu menjadi perhatian dan gerak-geri mereka mudah diintip. Nyawa mereka juga boleh dikatakan sebagai telor di hujung tanduk.⁶¹

61 Temuramah dengan Encik Abdul Rahman bin Repah pada 17 Ogos 2001.

Gabenor juga mempunyai majlisnya sendiri yang terdiri daripada pegawai-pegawai atas dan ketua-ketua tempatan. Oleh itu setiap perkara yang berbangkit tetap dirujuk kepada majlis tersebut. Dengan adanya majlis tersebut, ia akan mengurangkan lagi kuasa *Shu-sanjikai*. Oleh yang demikian, kewujudan Majlis Perunding itu kurang menarik perhatian rakyat tempatan kerana keadaannya yang tidak berkuasa penuh dan tidak terdapat kebebasan bersuara sepenuh-penuhnya di kalangan ahli-ahlinya. Perkara ini juga berkaitan dengan kemelesetan ekonomi negara dan disebabkan ini juga rakyat lebih banyak tertumpu kepada bagaimana untuk mencari sesuap nasi untuk mengisi perut daripada pentadbiran tersebut.

Walaubagaimanapun, usaha-usaha pentadbiran Jepun untuk melantik seberapa ramai pegawai-pegawai tempatan adalah satu langkah yang harus dipuji. Perlantikan ini dapat mengurangkan rasa rendah diri seperti mana yang berlaku sewaktu pemerintahan British sebelum Jepun menduduki Tanah Melayu. Walaupun Jepun cuba sedaya-upaya mengotakan janji-janjinya namun terdapat juga beberapa pengertian lain mengenai masalah tersebut.

Keadaan peperangan di antara Jepun dengan pihak Berikat umumnya menunjukkan mendorong kekalahan berada di pihak Jepun. Disamping itu juga terdapat beberapa unsur-unsur penentangan yang terpaksa dihadapi oleh pihak Jepun di Tanah Melayu seperti penentangan dalam negeri yang disertai oleh masyarakat tempatan seperti M.P.A.J.A., P.E.T.A. dan lain-lain lagi. Perkara ini juga telah menyebabkan Jepun terpaksa mengambil langkah sedemikian rupa demi untuk menjaga nama baiknya dengan mengambil hati rakyat tempatan.

Faktor yang terkemudian itu tentulah tidak ketara ketika Jepun mengenalkan dasar menggalakkan penyertaan rakyat tersebut kerana berita-berita kemerosotan peperangan di pihak Jepun tidak disiarkan di Tanah Melayu oleh Jabatan Penerangan Jepun sehingga rakyat tempatan kurang mengetahui keadaan sebenarnya yang berlaku.

B. Proses Penjepunan.

Selain dari itu, pentadbiran Jepun di Melaka dan Tanah Melayu telah menjalankan proses penjepunan terhadap penduduk-penduduk Tanah Melayu. Jika ditinjau pada sudut ekonomi, pada masa pentadbiran dan pemerintahan Jepun di Tanah Melayu, satu perubahan besar telah berlaku dalam perkembangan ekonomi Tanah Melayu. Perusahaan-perusahaan yang penting di Tanah Melayu diambil alih oleh syarikat-syarikat Jepun yang besar seperti Mitsubishi dan Mitsui. Meskipun pada masa itu keadaan meleset, syarikat-syarikat Jepun yang ulung seperti Mitsui dan Mitsubishi telah mulakan operasi di sini dan mengambil alih perusahaan penting⁶². Dalam keadaan yang bermasalah ini, inflasi telah melanda Tanah

⁶² Sheela Abraham, *Sejarah Perkembangan Negara*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1993, hlm. 138.

Melayu kerana bank-bank Jepun tidak dapat mengawal pengeluaran mata wang mereka.⁶³ Bank-bank Jepun telah mencetak matawang sendiri.

Pengeluaran wang Jepun tidak dikawal sehingga nilai matawang turun dengan dasyatnya. Dalam pada masa yang sama juga, perubahan sosial telah berlaku. Pentadbiran Jepun telah membenterasnya dengan menghapuskan pengaruh barat. Oleh itu, segala yang berkaitan dengan pengaruh barat telah diharamkan termasuklah bentuk-bentuk hiburan serta media massa. Oleh yang demikian, pentadbiran Jepun di Tanah Melayu telah bercadang mewujudkan Lingkungan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya melalui proses penjepunan. Pentadbiran Jepun telah mengambil langkah yang agak drastik untuk melakukan proses penjepunan terhadap penduduk-penduduk di Tanah Melayu. Sebagai langkah pertamanya, pentadbiran Jepun telah menyerapkan proses penjepunan melalui sistem pendidikan. Pendidikan amat berfungsi sebagai alat untuk tentera Jepun melaksanakan proses penjepunan. Oleh itu, pentadbiran Jepun telah memperkenalkan sistem pendidikan Jepun untuk menggantikan sistem pendidikan British di Tanah Melayu. Pada masa pemerintahan Jepun, sekolah-sekolah vernakular Melayu dan Tamil tetap diteruskan oleh pihak pemerintah apabila bahasa Jepun dijadikan sebagai mata pelajaran tambahan.⁶⁴

Pada masa yang sama juga, pentadbiran Jepun telah cuba menghapuskan semua penggunaan bahasa Inggeris dan budaya barat.

⁶³ Ibid.

⁶⁴ Sufean Hussin, *Pendidikan di Malaysia, Sejarah, Sistem dan Palsafah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm.24.



Gambar di atas menunjukkan wang ‘pokok pisang’ iaitu wang yang digunakan semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Gambar asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.

Untuk menjepunkan orang Melayu, pihak Jepun cuba mengikis segala pengaruh budaya barat yang telah disemaikan sebelum Perang Dunia Kedua. Pentadbir tentera Jepun menubuhkan sekolah-sekolah Nippon-go untuk menggantikan sekolah vernakular dan sekolah Inggeris. Pengajaran Nippon-go, lagu-lagu klasik Jepun dan kebudayaan Jepun diberikan penekanan khusus dalam kurikulum sekolah rendah.⁶⁵

Segala bentuk pendidikan barat telah dihapuskan. Pentadbiran Jepun juga mengharamkan penggunaan bahasa pengantar Inggeris dan mata pelajaran bahasa Inggeris. Bahasa Jepun telah dijadikan bahasa pengantar. Murid-murid sekolah diajar bahasa Jepun iaitu “Nippon-go”. Selain daripada bahasa Jepun, nyanyian, muzik, latihan jasmani dan pengetahuan berkebun dipentingkan. “Kimigayo” dan “Oikoku koshin Kyoku” ialah lagu kebangsaan dan lagu patriotik telah dinyanyikan di sekolah setiap hari.⁶⁶ Pelajaran sekolah menengah juga dihentikan dan diganti dengan sekolah-sekolah perdagangan dan teknikal. Pelajar-pelajar kini diajar tentang telekomunikasi kelautan, perikanan dan pertanian.⁶⁷

Banyak buku dalam bahasa Jepun telah diterbitkan untuk pelajar-pelajar sekolah. Akhbar “Syonan Syimbun” juga menerbitkan pelajar-pelajar Jepun dalam akhbar hariannya. Dasar pelajaran yang diperkenalkan menekankan ketiaatan kepada Maharaja Jepun, kepatuhan kepada kerajaan Jepun dan kerelaan berkhidmat untuk negara Jepun. Pentadbiran Jepun juga telah memupuk semangat

⁶⁵ *Ibid.*

⁶⁶ Temuramah dengan Abdul Rahman bin Repah pada 17 Ogos 2001.

⁶⁷ Sheela, *Sejarah Perkembangan*, hlm. 136.

Minutes of a meeting of the Malayan Working Party
held on Thursday, 24th May, in Room 260, 260, Jalan Sultan

Present: Prof. V.T. Harlow (Chairman)
Mr. H.V. Redman (Joint Chairman)
Mr. H.V. Usall (M.O.I.)
Mr. M. Sabine (C.O.)
Mr. H.T. Bourdillon (C.C.)
Mr. W.S. Morgan (C.O.) } Joint
Mrs. I.L. Sohapiro (P.O.Y.) } Secretaries

For discussions of items 1 and 2:
Mr. B.B. Bridge (M.O.I.)
Mr. S. Heald (M.O.I.)

1. The ways to which the material collected by Mr. Ashley Gibson can be put.
Mr. Sabine asked to record the appreciation of the committee of the work Mr. Ashley Gibson has put into his report, and of the very valuable document he has produced.
Mr. Redman explained that a preliminary meeting on May 18th with Mr. Heald, Professor Harlow, Mr. Darvell and Mr. Ashley Gibson had been held to discuss what should be done with Mr. Ashley Gibson's report. At this meeting August 1st had been roughly selected as D-Day for a publicity campaign as this seemed the first likely date for Japan to come back into the news, and a number of suggestions had been made. These were:
 - (a) That the campaign should be started by two Times Turnovers by Mr. Ashley Gibson, supported by a leader by Professor Rushbrook Williams. Mr. Sabine thought the Times would be responsive to such a suggestion. He asked if the committee could agree that the C.O. should approach the Times. Professor Harlow suggested a joint approach as Mr. Redman had contacts there and his idea of the broad contents of the Turnovers was excellent. The committee agreed to a joint approach being made.
Mr. Usall asked if the Times would accept Mr. A. Gibson rather than their own correspondent, Mr. Ian Morrison. He also thought that if Ian Morrison wrote for the Times, it would leave Mr. Gibson free to write for the papers which would influence Labour (e.g. the New Chronicle and the Daily Herald). Mr. Sabine thought the Manchester Guardian, the Yorkshire Post and the Bootman should also be covered. He put forward the name of Edwin Howard for the Times turnover, as Mr. Morrison was at present overseas.
The committee discussed the various ways of knowing the widest possible press coverage - Mr. Redman and Mr. Usall inclined to the suggestion that Mr. Howard be asked to do the Times articles leaving Mr. Gibson for the other papers. It would also be necessary to find someone to write for the Express, the Mail etc. Mr. Sabine anticipated no difficulty from the Keighley Press who would print an article supplied through the C.O. After discussion it was agreed that the Times should be approached in the near future; the situation with regard to other papers was more delicate in view of the election, and the matter should be left in abeyance until it was over. In the meantime Mr. Redman and Mr. Sabine would work out a press programme, and Professor Harlow would contact Sir Walter Layton on a personal basis. Mr. Redman, Professor Harlow, Mr. Sabine and Mr. Bourdillon would meet within a week to discuss progress. Mr. Usall suggested that Mr. Tonkin (at present with the B.R.C.) the London correspondent of the Straits Times would be a good source for writing news articles.
 - (b) It was also suggested that a copy of Mr. Gibson's report be forwarded to Sir George Blamey in Washington, so that he could use the material as opportunity afforded (Press Conference, an article in Foreign Affairs etc.). Mr. Morgan agreed to take up in the Colonial Office the proposal that a copy of his "Talking Points" might be sent to U.S.A., New York, together with a copy of the report. Mr. Morgan also suggested sending the report to Mr. Lennox Miles - Mr. Redman thought an expurgated version would be better. Professor Harlow asked Mr. Sabine and Mr. Bourdillon to go through the report and indicate where it should be cut. The committee agreed to send the full report to Sir George Blamey and an expurgated version to U.S.A. and to Mr. Lennox Miles. P.T.O.

Cadangan-cadangan mengenai pembinaan semula Malaya, (Mei 1943- Mei 1945).
Surat-menjural dan Minit Mesyuarat bertarikh di antara Mei 1943- Mei 1945
mengenai cadangan-cadangan berkenaan dengan pembinaan semula Malaya
selepas perang.

Sumber: Arkib Negara, Kuala Lumpur.

UMI YUKABA

UMI YUKABA MIZUKU KABANE
YAMA YUKABA KUSA MUSU
KABANE OKIMI NO HE NI KOSO
SINAME KAERIMI WA SEZI.

*Dilaut biar badanku berjerok,
Didarat biar ia ditumbobi rumput;
Biarlah ku mati disisi Okimi ku;
Menoleh kebelakang ku tak mahu!*

The musical score consists of four staves of music. The top two staves are for strings (violin and cello), the third is for piano, and the bottom is for drums. The music is in common time (indicated by '4-72-80') and includes various musical markings such as 'f' (fortissimo), 'p' (pianissimo), and 'rit.' (ritardando).

NYANYI yang pendek ini penoh padat dan padan dengan semangat bangsa Nippon — sumpah sta bangsa itu kepada Okimi dan Negara yang telah turun temuron tidak berubah selama 2.600 tahun, menjadi teras kehidupan bangsa Nippon, dan dari situlah sumbohnya budi pekerti dan tunduk resam mereka.

Pengaruh nyanyi ini tidak diketahui. Hanya yang dapat kita tentukan adalah sajak ini telah dipesekan dari semenjak zaman purbakala sehingga nyanyiannya kebangsaan Otomo. Mengikut riwayat tua Nippon maka Raja Otomo ini ialah satir keuler nabiyan yang besar yang telah berkhidmat kepada Maharaja2 Nippon selama lima belas kurun iaitu semenjak terasas bangsa Nippon, lebh kurang pada tahun 660 sebelum lahir Nabi Isa. Harus

nyanyian ini telah dinyanyikan bagi kali yang pertama nya oleh nenek moyang kaum Otomo yang mengiring Jimmu Tenno dalam perangkatkan besar baginda hala ketimor. Padalain karang nyanyian ini telah dijadikan "Lagu Persejataan Bangsa," yang dinyanyikan oleh seratus ribu umat Nippon pada tiap2 hari.

Musik bagi nyanyian yang dantes ini telah disusun oleh Pendita Kiyosi Nobutoki bagi Tokyo Ongaku Gakko (Sekolah Musik Tokyo). Tentang sajak dan irama nya perah boleh disamakan dengan lain2 lagu k bangsa Nippon atau pun bangsa2 lain. Padan dan penoh ia mengandungi kata2 sumpah besar sta bangsa Nippon yang kekal selama2nya.

(Lihat pada muka sebelah)

Petikan dari majalah Semangat Asia tahun 1943 yang menyatakan lagu-lagu kebangsaan Jepun mesti dinyanyikan oleh murid-murid sekolah pada setiap hari. Lagu-lagu baru juga telah dicipta untuk dinyanyikan sebagai menaikan semangat penduduk Tanah Melayu dalam proses Jepun untuk menjepunkan penduduk di Tanah Melayu.

Sumber: Arkib Negara, Kuala Lumpur.

LAGU BARU

Marilah kita bersukaria, menyanyi lagu Kema'moran Asia Raya! Marilah kita sama-sgerang mendengar lagu yang baru dikarang!!

Lagu atau nyanyian2 ialah penyubor semangat. Kerana itu semenjak mulai zaman baru ini maka banyak lagu2 yang gus dan merdu telah dikarang orang dan dinyanyikan oleh penduduk2 Mala. Lagu2 ini bukan saja untuk menanam semangat baru, untuk mengikis perasaan lemah, sedih dan putus asa, tetapi juga untuk kesukaan dan pengibar hati orang mala. Dibawah ini S.A. dengan gemarnya menurunkan lagu "Lengkongan Kema'moran Bersama di-Asia Timor Raya," serta dengan musiknya sekali.

Shair legu ini telah dikarang oleh Tuan Hussaini Latiff dan musiknya disusun oleh Prof. Watanabe, dan sudah dilindungi kepada orangramai Syonan.

LENGKONGAN KEMA'MORAN BERSAMA DI-ASIA-TIMOR RAYA

作詞 HUSSAIN LATIFF
作曲 軍宣傳部 渡邊直

Lagu-lagu baru yang telah dicipta untuk dinyanyikan sebagai menyuburkan semangat penduduk Tanah Melayu dalam proses Jepun untuk menjepunkan penduduk di Tanah Melayu. Lagu ini terkandung dalam majalah Semangat

Asia yang diterbitkan pada tahun 1943.

Sumber: Arkib Negara, Kuala Lumpur.

Handwritten musical score for 'Asia Raya' featuring two staves of music with corresponding lyrics in Indonesian and English.

Lyrics:

ya. Bang un Lah bang un Lah . pe mu da A si a -
 ya. Gum - bl - ia gum - bi - ra ki - ta se - mu - a +
 nya. Gum - bl - ia gum - bi - ra ki - ta se - mu - a !

Ma ri lah - ma ri lah ki ta be ker ja men - chapai kema moran
 Ma ri lah - ma ri lah ki ta be ker ja men - chapai kema moran
 Ma ri lah - ma ri lah ki ta be ker ja men - chapai kema moran

FINE.

A si a Raya —

A si a Raya —

A si a Raya —

Dilengki ilmu, chahya terbentang,
 Menyikisi alam seterohnya,
 Tanda krim' mparah sudah datang,
 Hagi umat besar Asia Raya.

Bangunlah, bangunlah pemuda Asia,
 Marilah marilah kita bekerja,
 Menchapai kema'moran Asia Raya.
 Wahai putra putri Asia Raya,
 Bismillah karna dalam bekerja,
 Dibawah kerajaan Negeri kita,
 Hagi perbaikan kema'moran Asia Raya.

Cumbira, gumbira kita senara,
 Marilah, marilah kita bekerja,
 Menchapai kema'moran Asia Raya

Selamat batigia kita sekopkan,
 Kepala Kerajaan dipercaya bijakana,
 Kepada Allah kita tunduk,
 Kekaloh la selamatnya.
 Gumbira, gumbira kita senara,
 marilah, marilah kita bekerja,
 Menchapai kema'moran Asia Raya

Lagu-lagu baru yang telah dicipta untuk dinyanyikan sebagai menyuburkan semangat penduduk Tanah Melayu dalam proses Jepun untuk menjepunkan penduduk di Tanah Melayu. Lagu ini terkandung dalam majalah Semangat

Asia yang diterbitkan pada tahun 1943.

Sumber: Arkib Negara, Kuala Lumpur.

Pentadbiran Jepun juga telah memupuk semangat yang berkobar-kobar di kalangan pemuda supaya rela berkhidmat untuk negeri Jepun. Sekolah-sekolah Inggeris, Cina dan Tamil digantikan dengan sistem pendidikan Jepun. Pentadbiran Jepun juga sangat mementingkan pelajaran kanak-kanak yang belum akil baligh. Ini disebabkan kanak-kanak amat mudah dipupuk kerana ianya seperti rebung yang dilentur dan mudah mengikut apa yang ditanamkan di dalam diri mereka. Murid-murid juga diajar cara hidup, cara tegur sapa dan adat-istiadat orang Jepun.

Ini dapat dilihat apabila Jepun mengambil langkah untuk membuka semula sekolah-sekolah rendah sebulan setelah kejatuhan Singapura iaitu pada 14 Mac 1942. Sekolah-sekolah yang pertama sekali dibuka ialah sekolah-sekolah Melayu. Perpustakaan sekolah juga telah dimuatkan dengan buku-buku bahasa, kesusastraan dan kebudayaan Jepun. Walaupun rancangan pelajaran dianggap penting sehingga pertengahan 1943, namun begitu perlaksanaan yang dijalankan oleh Jepun kucar-kacir. Usaha-usaha Jepun untuk menjepunkan pelajaran kurang berjaya kerana kekurangan guru-guru yang fasih dalam bahasa Jepun serta kekurangan wang.

Selain daripada sekolah-sekolah biasa, pentadbiran Jepun juga telah menubuhkan Sekolah Latihan Kepimpinan di Singapura pada bulan Mei 1942 dan di Melaka pada bulan Februari 1943. Sekolah latihan ini dikenali sebagai Kenrenjo. Sehingga pertengahan 1944, Kunrenjo telah melatih seramai 650 orang pemuda dari tiga kaum iaitu Melayu, Cina dan India. Namun begitu, kebanyakannya terdiri daripada pemuda-pemuda Melayu.



Gambar di atas menunjukkan rakyat tempatan sedang memperlajari Bahasa Jepun apabila Bahasa Nippon dijadikan bahasa rasmi dan bahasa Asia Timur Raya.

Gambar asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.

Mereka yang berkebolehan akan dihantar ke Jepun untuk belajar di Institut Pelajar Antarabangsa. Kunrenjo juga ditubuhkan untuk pekerja-pekerja dalam satu-satu bidang yang tertentu misalnya untuk polis, kelasi, pekerja pos, petani, pekerja keretapi, pekerja telekom dan sebagainya.

Pendidikan di Kunrenjo telah memberi semangat baru, ketekunan tatatertib dan kerajinan kepada pemuda-pemuda Melayu terutamanya. Namun begitu, secara umumnya dapat dikatakan sistem pendidikan sewaktu pentadbiran Jepun lebih menekankan latihan akhlak dan watak seseorang daripada akademik.

Dalam melaksanakan proses penjepunian terus berjalan kepada penduduk-penduduk tempatan, pentadbiran Jepun juga telah mengutamakan bahasa Jepun dalam semua sudut. Satu daripadanya ialah dengan mengenakan peraturan supaya kakitangan dan pegawai kerajaan menggunakan waktu mengikut jam Nippon dalam surat-menyurat dan urusan-urusan pejabat yang lain.⁶⁸ Begitu juga dengan tahun, digesa agar digunakan tahun mengikut kelender Jepun dan tidak tahun masihhi. Walaupun pihak Jepun telah berusaha berusaha bersungguh-sungguh untuk menjadikan bahasa Jepun sebagai bahasa rasmi di pejabat dan di dalam sebarang urusan kerajaan, tetapi pada umumnya usaha-usaha itu kurang berjaya. Penggunaan bahasa-bahasa yang digunakan sebelumnya itu terpaksa diteruskan.⁶⁹

68 Nik Anuar b. Nik Mahmud, “Kelantan Di bawah Pentadbiran Tentera Jepun Dan Pentadbiran Tentera Thai, 1941 – 45” dlm. Khoo Kay Kim dan Jazarmuddin Baharuddin (eds.), *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1982, hlm. 249.

69 Misalnya surat-surat pekeliling pejabat Perdana Menteri adalah dalam bahasa Melayu huruf rumi dan jawi dan kadang-kadang bahasa Inggeris juga digunakan.



Gambar di atas menunjukkan gadis-gadis Melayu menyanyikan lagu Jepun ketika menuntut di Syonan Gunseikan Kokugo Gakko.

Gambar asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.

SEMANGAT ASIA

PELAJARILAH BAHASA NIPPON

AHMAD ADA MEMPUNYAI BUKU

Ahmad ialah sipeenbuat. Oleh sebab itu sekodah Ahmad mesti lah diletak sendinama "wa." Jadinya; Ahmad wa..... yang kena buat ialah buku..... Jadinya; Ahmad wa hon o..... Buatan (verb) dalam bahasa Nippon selalu jatoh pada penghujung ayat. Dalam ayat ini buatannya ialah "Motte imasu". Jadinya; Ahmad wa hon o motte imasu.

Sekiranya hendak menanya maka tambah saja "ka" dihujung ayat. Mitalnya:—

Adakah awak mempunyai peniel = Anata wa enpitsu o motte imasu ka?

(dalam perkataan "enpitsu," "en" itu disebut "em", seperti mengikut tajwid "n" berjumpa dengan "p" atau "b." Lagi mungkin "Shinbun" Disini "n" berjumpa dengan "b". Jadi sebutannya ialah "shimbun".)

Apabila menanya sesorang ketika berhadapan dengannya, perkataan "Anata wa" itu bolehlah ditinggalkan. Sebutkan saja, "Enpitsu o motte imasu ka?"

Ketika menjawab pertanyaan seumpama ini, tidak mustahak dilulang nama benda yang ditanya itu. Chuma yang mustahak dikata ialah "ada" atau "tiada" dan lebih kuat dengan dimulai oleh "Hal" sekiranya ada atau "Ile" sekiranya tiada.

Hal, motte imasu = ada.
Ile, motte imasen = tiada.

Perkataan2

Nama.		Buatian.
Buku	Hon	Tulis
Pensel	Enpitsu	Bacha
Kertas	Kami	Minum
Budak	Kodomo	Makan
Ayah	Otosan	Hisap
Ibu	Okaasan	Lehat
Teh	Ocha	Belajar
Rokok	Maki tabako	Mengerti
Surat	Tegami	Beli
Kawan	Tomodachi	Kakimasu
Ikan	Sakana	Yomimasu
Daging	Niku	Nomimasu
Daging lembu	Ushi no niku	Tabemasu
Sayor	Yasni	Sulmasu
Bahasa Nippon	Nippon-go	Mimasu
Semua	Mina	Manabimasu
Sedikit	Sukoshi	Wakarimasu
Nanti	Apa	Kalmasu

Ayat2

- Hari ini ibu beli ikan = Kyo okaasan wa sakana o kalmasu.
 Awak hisap rokok-kah? = (Anata wa) maki tabako o sulmasu ka?
 Awak makan apa? = (Anata wa) nani o tabemasu ka?
 Ada air-kah? = Mizu o motte imasu ka?
 Ada, sedikit = Hal, sukoshi o motte imasu.

Bahasa Jepun yang dipelajari melalui Majalah Semangat Asia keluaran tahun 1943 dalam proses penjepunian penduduk-penduduk di Tanah Melayu sewaktu pemerintahan dan pentadbiran Jepun.

Sumber asal diperoleh dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.

Oleh kerana bilangan kakitangan kerajaan dan penduduk tempatan yang belajar bahasa Nippon adalah sangat sedikit bilangannya, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris terus digunakan dalam surat menyurat, kenyataan-kenyataan dan surat-surat pekeliling disepanjang pendudukan dan pentadbiran Jepun di Tanah Melayu.

Penekanan bahasa Jepun telah dilakukan pada akhbar-akhbar yang telah menggunakan tarikh dan tahun Jepun. Selain daripada akhbar-akhbar, majalah-majalah juga telah diterapkan dengan penggunaan bahasa Jepun agar penggunaannya lebih meluas lagi terhadap penduduk-penduduk tempatan . Di corong-corong radio juga penggunaan bahasa Jepun telah digunakan. Radio juga tidak dibenarkan menggunakan gelombang pendek dan sekiranya terdapat rakyat yang menggunakan gelombang tersebut, hukuman bunuh akan dikenakan. Matlamat terhadap penggunaan bahasa Jepun ini sebenarnya amat tinggi dan tujuan utamanya adalah ingin menghapuskan budaya dan bahasa barat yang telah digunakan oleh penduduk tempatan sebelum ini. Minggu bahasa Jepun juga telah dilancarkan di bandar-bandar utama. Sebagai menggalakkan penduduk tempatan menguasai bahasa Jepun, kelulusan bahasa Jepun telah dijadikan syarat utama untuk tujuan kenaikan pangkat. Oleh yang demikian, penduduk tempatan yang inginkan kenaikan pangkat dalam pekerjaan mereka akan berusaha untuk menguasai bahasa Jepun dengan sebaik-baiknya.

Pentadbiran Jepun juga telah melakukan proses penjepunian terhadap penduduk Tanah Melayu dengan memperkenalkan makanan Jepun iaitu nasi kepala.

—TENCHO SETSU DI-SYONAN—

ショウナンノ

コンナニ


Segenap umat bandar Syonan menyambut Tencho Setsu dengan keshukoran yang tidak terhingga pada Tenno-Helki dan Dat Nippon yang telah menimbulkan keselamatan dan keamanan di-Kawasan Selatan.

ンチヨオセツウ

ノバ デレタ

Dimana2 sahaja bendera Hinomaru berkibar, rakyat bersukaria dengan muka yang berseri2.

Bagaimana hebatnya Tencho-Setsu itu dapatlah diperhatikan pada gambar2 ini.




Gambar di atas memunjukkan barisan kaum Muslimin dengan mengibarkan bendera Hinomaru dan Bulan Bintang sama dalam perarakan kanak-kanak sekolah pada pagi hari menuju padang Tokubetu Si pada Perayaan Tencho Setsu.

Gambar asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.


Selain daripada itu, rakyat tempatan juga telah diarahkan supaya meraikan perayaan-perayaan Jepun seperti Ulangtahun Kelahiran Maharaja Jepun, Tencho Setsu, Hari Kebangsaan Jepun, serta upacara keagamaan Jepun iaitu sembahyangkan pahlawan yang telah gugur di medan peperangan.

Namun begitu, apa yang paling penting sekali dalam proses penjepunan ialah rakyat tempatan mesti mematuhi serta mentaati Undang-undang Tentera Jepun yang dilaksanakan oleh pentadbiran Jepun di Tanah Melayu.




Gambar di atas menunjukkan beribu-ribu umat berhimpun di padang Tokubetu Si menyeru "Banzai" bagi Seri Baginda Maharaja. Upacara ini dipimpin oleh Dato' Bandar sendiri pada Hari Perayaan Tencho Setsu.

Gambar asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.



Gambar di atas menunjukkan kanak-kanak sekolah mengibarkan bendera berbaris di sepanjang jalan Syonan merayakan Hari Perayaan Tencho Setsu.

Gambar asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.



Gambar di atas menunjukkan pemandangan di hadapan Taman Hiburan "Dunia Baru" Sin Sei Kai pada malam Tencho Setsu.

Gambar asal diperolehi dari Arkib Negara, Kuala Lumpur.